

Kawal belanja elak ‘biar papa asal bergaya’

Rakyat perlu jadi pengguna lebih prihatin dalam usaha kurangkan kos sara hidup

Kos sara hidup dilihat sebagai isu paling utama di negara ini. Sebenarnya Malaysia bukanlah negara tunggal menghadapi cabaran ini kerana ia turut membentuk masyarakat global. Tidak adil juga dakwaan Malaysia menuju krisis ekonomi berikutan penurunan harga minyak mentah di pasaran antarabangsa dan penyusutan nilai ringgit.

Rakyat harus melihat usaha kerajaan mengurangkan apa yang perlu dalam soal kos sara hidup. Kita juga kena ubah gaya hidup. Kerajaan sudah dan sedang melaksanakan prinsip ubah gaya hidup. Contohnya, bagi keperluan hidup dan kebajikan rakyat, antara disediakan ialah kedai rakyat 1Malaysia (KR1M), kad diskau rakyat 1Malaysia (KDR1M), kedai ikan rakyat 1Malaysia (KIR1M), menu rakyat 1Malaysia dan kedai kain rakyat 1Malaysia (KKR1M).

Kalau soal kesihatan, kita ada Klinik 1Malaysia, Klinik Bergerak 1Malaysia dan Pusat Bersalin Berisiko Rendah 1Malaysia. Dalam hal penyediaan tenaga mahir dan peluang kerja – Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), Program Transformasi Kedai Runcit, Program Belia Mahir 1Malaysia dan Teksi Rakyat 1Malaysia pun disediakan.

Kurang tabiat makan di luar

Semua orang kena terbabit. Kalau dahulu keluarga A gemar makan di restoran segera pada setiap hujung minggu, mungkin sekali dalam tempoh sebulan boleh dilaksanakan sekarang. Kalau gemar menelefon atau guna khidmat pesanan ringkas (SMS), boleh dikurangkan. Apa yang penting ialah sikap dan tindak-tanduk lebih proaktif menangani kos sara hidup ini meski bermula daripada individu ke mudian diserapkan dalam kalanng isi keluarga.

Pada setiap isi keluarga itu pula diperkembangkan kepada komuniti penduduk dan masyarakat sehingga ke kelompok yang lebih besar. Sebab itu dalam soal keluarga dan wanita, kerajaan sudah pasti memperkasakan wanita sebagai kelompok elemen terpenting bagi

kunci keberhasilan mengoptimalkan pengurusan hasil sumber institusi keluarga.

Polemik kemelut ekonomi yang menggandakan tekanan terhadap kesejahteraan hidup golongan miskin bandar, miskin tegar, orang kurang upaya (OKU), warga tua dan golongan terpinggir di luar bandar perlu menjadi perhatian utama. Sewajibnya proses melestarikan usahawan bandar dan luar bandar disokong dengan memudahkan dan melicinkan proses lesen perniagaan, pinjaman mesra usahawan dan perkembangan jaringan serta pemasaran perniagaan.

Penulis percaya cabaran getir ekonomi masa kini sememangnya membabitkan tekanan kepada indeks harga pengguna dan pelaksanaan percuakan era pasca-GST. Soal paling penting ialah usaha sama dioptimum untuk merealisasikan agenda satu keluarga satu usahawan dan keusahawanan mesra rakyat.

Perniagaan berimpak tinggi
Kerajaan diharapkan agar tidak menggalakkan usaha niaga atau projek berprioriti rendah sebaliknya menumpukan fokus kepada usaha niaga sedia ada yang berimpak tinggi kepada ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

Cakap-cakap retorik dalam kerajaan pun sudah mula dikurangkan. Seperti tindakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang mempengaruhi Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Menangani Kos Sara Hidup Rakyat yang pertama tahun ini mula dilaksanakan segera.

Dalam soal ini, jawatankuasa ini perlu memastikan usaha terus diambil untuk menangani isu kenaikan kos sara hidup rakyat secara bersepadan dengan pihak bandar dan bukan kerajaan (NGO).

Sewajibnya kerajaan pandang serius perkara berkenaan, sentiasa komited serta proaktif mencari langkah untuk menangani isu terbabit yang sedang dialami rakyat. Diharap semua perkara yang dibincangkan akan diperincikan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Menangani Kos Sara Hidup sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet.

Paling penting setiap peringkat masyarakat, termasuk pelajar, miskin bandar dan mereka yang tergolong dalam kumpulan B40 (pendapatan bawah RM3,000) tidak tercaci.

Penulis

ialah Ketua Penyelidik di Pusat Penyelidikan Strategik, sebuah badan pemikir bebas sosio media-politik



AHMAD FAUZI MUSTAFA



PROF EMERITUS
IBRAHIM KOMOO

Memperkasa sains kelestarian secara berkesan

Tahun 2015 memberikan cabaran dan peluang besar pada saya. Selepas menamatkan amanah dan tanggungjawab sebagai Naib Canselor, Universiti Malaysia Terengganu pada April lalu, saya harap dapat berehat sejenak, mungkin menulis beberapa urusan ilmiah yang tertangguh. Ternyata, permintaan dan tanggungjawab sosial mencuri masa saya untuk terus menyumbang dan memperkasa gagasan kelestarian.

Antara April hingga September, saya menyumbang kepakaran dalam pembangunan geopark pada peringkat global. Selaku Naib Presiden, Jaringan Geopark Global (GGN) dan Kumpulan Pakar Geopark UNESCO, saya diminta membuat penilaian permohonan ahli baharu, iaitu Zhijindong Geopark, China dan penilaian semula Geopark Global Hong Kong. Pada masa sama turut membantu persediaan Langkawi Global Geopark berhadapan dengan penilaian semula kedua pada Ogos 2015.

Selaku Penyelaras Jaringan Geopark Asia Pasifik (APGN) pula, saya turut diundang untuk beri khidmat nasihat, menyampaikan kertas dasar dan melawat lapangan sebagai persediaan geopark mereka berhadapan penilaian semula. Ada geopark baharu yang sedang buat persediaan terakhir untuk menjadi ahli GGN. Geopark yang dilawati ialah Yandangshan, China; Tedorigawa dan Kirishima di Jepun dan Batur serta Raja Ampat di Indonesia.

Kemuncak kepada aktiviti geopark pada 2015 ialah penganjuran Simposium Asia Pasifik Keempat di San'in Kaigan Geopark di Jepun. Selaku Penyelaras APGN, saya menjadi penasihat simposium, menyampaikan kertas dasar, mempengaruhi mesyuarat Jawatankuasa Penasihat dan Penyelaras, APGN, serta menghadiri Mesyuarat Tahunan Biro GGN. Dalam mesyuarat ini, kami meluluskan sembilan geopark global baharu menjadikan jumlah terkini 120 global geopark di 33 negara.

Kad hijau

Pada masa sama, Langkawi telah diberi ‘kad hijau’ menandakan kita berjaya mengurus Global Geopark sendiri dengan cemerlang. Sepanjang 2015, saya sempat menjalankan peranan pendidikan dan pembangunan keupayaan mengenai geopark, pemuliharaan tabii dan aktiviti kesedaran kelestarian.

Antaranya membantu menjayakan Bengkel Pengurusan Geopark Asia Pasifik di Langkawi, Klinik Pembangunan Geopark Indonesia di Yogyakarta dan Bali serta Seminar Kesedaran Geopark di Bangkok.

Kemuncaknya ialah mewakili negara menghadiri mesyuarat Majlis Sains UNESCO di Paris bagi mengangkat martabat geopark global menjadi Program UNESCO, dan mesyuarat Panel Warisan Dunia IUCN

di Gland, Switzerland bagi mengejar syorkan tapak warisan dunia 2016.

Sejak Julai 2015, saya dijemput berbakti semula dengan UKM, sebagai Felo Utama di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) dan Pengurus Pusat Kajian Benca Asia Tenggara (SEADPRI). Di LESTARI saya boleh meneruskan perjuangan akademik dan minat saya dalam isu kelestarian, sementara di SEADPRI tumpuan akan diberikan kepada pengurangan risiko bencana alam.

Peranan sarjana menjangkaui tujuan mendidik dan membangun universitinya sendiri. Sarjana menjadi pemimpin ilmu yang diterokai kepada kesepakaran, menjadi pemimpin pemikiran terbaru kepada negara dan warganya, dan bertindak sebagai intelek awam mempromosi hala tuju masa hadapan kepada masyarakat. Sumbangan mereka tidak terbatas kepada institut atau fakultinya, tetapi merangkumi ke negara, masyarakat serantau dan warga global.

Kembang ilmu

Selaku sarjana, saya bertanggungjawab mengembangkan ilmu yang sangat dekat di hati iaitu geologi dan kelestarian. Melalui bidang Geologi Kejuruteraan saya mengharapkan setiap pembangunan infrastruktur berpegang kepada prinsip kesesuaian tapak, ketabilan pembinaan dan kos optimum. Ini pastinya menyahut gagasan kesejahteraan masyarakat dari perspektif menyediakan kemudahan asas yang selesa dan tanpa bahaya.

Melalui bidang Geosains Sekitaran pula saya beri tumpuan kepada idea ‘menggunakan sumber bumi secara tanpa musnah’, mengembangkan konsep geowarisiran, geotapak dan geopemuliharaan.

Sumber bumi – batuan dan landskap masih kurang dapat perhatian dalam gagasan pemuliharaan warisan tabii. Peranan utama adalah mengingatkan kita, geologi adalah asas dalam pemuliharaan spesies dan habitat, serta ketamadunan manusia.

Akhirnya kami perkenal konsep geopark – suatu alat pengurusan untuk pembangunan lestari wilayah. Ia beri penekanan kepada kepentingan pemuliharaan warisan secara terintegrasi, meningkatkan kesedaran dan keupayaan komuniti setempat untuk mencintai warisan, dan membangun ekonomi tempatan secara lestari.

Selesai kini 2015, dan 2016 mewanti dengan penuh peluang dan cabaran.

Penulis

ialah Felo Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM dan Ketua Kluster, Sumber Asli dan Alam Sekitar, Majlis Profesor Negara (MPN)

